

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan**

Kini masalah murid-murid lembam, mundur atau lemah di negara kita mendapat perhatian serius daripada para pendidik dan para ibu bapa. Mengikut Program Pendidikan Kebangsaan Inklusif murid berkeperluan khas, proses pengajaran dan pembelajaran murid lembam sama dengan murid normal di dalam kelas biasa (Panel Latihan Unit Pendidikan Khas, 2008). Kurikulum yang direka khas untuk murid-murid lembam tidak disediakan. Disebabkan ketiadaan kurikulum yang dikhususkan untuk murid lembam, murid-murid ini telah mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran, kurikulum biasa, ujian dan seumpamanya di sekolah harian biasa dan ini menyebabkan mereka terus ketinggalan dalam pembelajaran kerana mereka tidak dapat mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran seperti murid-murid normal yang lain kerana mereka agak lambat. Masalah ini menyebabkan mereka sering ketinggalan.

Perkara-perkara seperti mengapa murid-murid ini ketinggalan dalam pelajaran mereka dan bagaimana hendak mengatasi masalah ini dan menolong mereka sering kali dibangkitkan dalam seminar, forum dan persidangan mengenai pendidikan (Mat Daud bin Yusof, 1990). Makin lantang juga suara yang meminta supaya tindakan pemulihan yang wajar diberi untuk mengatasi masalah murid-murid lembam supaya keupayaan dan bakat mereka tidak disia-siakan. Setiap

pelajar di negara ini memerlukan pendidikan yang sama rata tanpa mengira umur, jantina mahupun bangsa. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, semua kanak-kanak berhak untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna mengikut keupayaan masing-masing (Abdul Rahim Bin Talib, 2007)

Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar pendidikan di negara ini. Hal ini bermakna bahasa Melayu amat penting kepada pelajar, bukan sahaja untuk berkomunikasi di sekolah, malah untuk menguasai ilmu daripada pelbagai mata pelajaran. Kelemahan dalam penguasaan bahasa Melayu akan menjejaskan prestasi pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran yang lain seperti mata pelajaran Sejarah, Sivik dan Kewarganegaraan, Pendidikan Islam dan juga geografi. Pada hakikatnya, untuk menguasai sesuatu bahasa dengan berkesan penguasaan aspek tatabahasa merupakan asas yang utama. Pengajaran tatabahasa dalam mata pelajaran bahasa Melayu ialah untuk melahirkan pelajar yang dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik, sama ada secara lisan ataupun bertulis (Abdul Hamid Mahmood, 1980). Walaupun demikian, ada banyak perkara dalam tatabahasa bahasa Melayu yang seolah-olah tidak mampu untuk dikuasai oleh pelajar sehingga berlakunya kesalahan tatabahasa dalam penulisan kebanyakan pelajar (Muhamad Haji Abdul Rahman, 2000). Bagi pelajar yang bermasalah pembelajaran dan dikategorikan sebagai pelajar lembam mereka mengalami kesukaran yang serius untuk menguasai aspek tatabahasa (Jabatan Pendidikan Khas, 2003).

Bahasa juga merupakan satu alat perhubungan yang sangat penting dalam

kehidupan manusia. Melalui bahasa seseorang itu dapat berkomunikasi dengan orang lain untuk menyampaikan perasaan, kehendak, pendapat, pengalaman, buah fikiran, pengetahuan, mendapatkan informasi, menambahkan ilmu pengetahuan, memahami orang lain dan sebagainya sama ada secara lisan ataupun tulisan (Raminah Haji Sabran, 1993). Kepentingan terhadap penguasaan bahasa lebih ketara dalam hubungan bidang pendidikan kerana bahasa menjadi medium utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di setiap peringkat pendidikan.

Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Untuk Sekolah Menengah yang telah diterbitkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia (2001) menjelaskan bahawa Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia telah dibahagikan kepada empat bahagian yang utama iaitu kemahiran bertutur, kemahiran membaca, kemahiran mendengar, dan kemahiran menulis. Keempat-empat kemahiran ini sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sama ada di sekolah menengah ataupun di sekolah rendah. Antara keempat-empat kemahiran ini kemahiran menulis dianggap sebagai kemahiran yang rumit untuk diajar dan difahami oleh para pelajar (Koh Boh Boon, 1981).

Seperti yang diketahui setiap manusia yang dilahirkan di dunia ini boleh menguasai kemahiran lisan dan membaca tetapi hanya sebahagian kecil sahaja daripada mereka dapat menulis dan mengarang dengan baik. Hal ini bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi diseluruh dunia. Oleh sebab itu, kajian berkenaan masalah ini perlu dilakukan secara meluas di seluruh dunia sama ada

di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah malah di universiti juga.

Menurut Skinner (1957), kesalahan bahasa berlaku kerana seseorang itu tertiru bentuk-bentuk bahasa yang salah, menyalahi bentuk baku yang lazim digunakan secara formal oleh golongan pelajar, atau kerana kecacatan emosi dan fizikal yang dialami oleh seseorang pengguna bahasa sama ada bahasa pertama atau bahasa kedua (Samsudin bin Arsad, 2004). Webber (1981), pula berpendapat bahawa kesalahan bahasa boleh berlaku apabila penggunanya keliru atau tidak mampu memahami penggunaan aspek-aspek tertentu dalam bahasa yang digunakan. Bagi mereka yang mahir dalam bahasa Melayu sudah pasti tidak mempunyai sebarang masalah tetapi bagi mereka yang tidak mahir atau mengalami masalah pembelajaran, maka timbullah cabaran dan masalah (Samsudin bin Arsad, 2004). Masalah yang timbul ini selalunya berkaitan kekacauan kerana ada dua atau lebih bahasa yang bertembung dan yang satu mempengaruhi yang lain, atau kedua-duanya saling mempengaruhi (Abdullah Hassan, 1996).

Kesalahan dalam penggunaan bahasa Melayu dapat dilihat dari beberapa sudut, iaitu sudut sintaksis, semantik, morfologi, fonologi dan intonansi. Dari sudut sintaksis kita dapat melihat betul atau tidak betul bentuk frasa dan ayat. Dari sudut semantik pula, kita dapat melihat makna yang terdapat pada sesuatu bentuk ayat itu sama ada sempurna atau tidak. Manakala dari sudut morfologi dan fonologi, kita boleh lihat betul atau tidak betul pembentukan kata sebagai

morfem bebas dan morfem terikat, baik dalam ucapan mahupun ejaan. Dari sudut intonasi pula, kita dapat mendengar naik turun nada suara sama ada tepat atau tidak tepat dalam penggunaannya dengan cara mengucapkan pelbagai bentuk dan jenis yang berbagai-bagai pula maknanya.

Dalam kajian kes ini pengkaji akan meninjau pemaparan idea dan penguasaan bahasa dalam karangan pelajar lembam. Manakala kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh responden dalam karangan akan dikaitkan dengan Teori Pit Corder (1981).

Dalam penulisan karangan, salah satu aspek yang penting yang menjadi tunjang ialah idea. Tanpa idea, sesebuah penulisan tidak menjadi atau tidak dapat dipersembahkan. Idea adalah "rentatan pengetahuan" yang hendak dikemukakan kepada khalayak pembaca. Pengetahuan tersebut boleh berupa hal, perkara, kejadian, proses, peristiwa dan sebagainya yang bergabung antara satu sama lain. Gabungan pengetahuan tersebut akan membentuk satu persekitaran idea (Mohd. Daud Hamzah, 1990) yang dapat dipersembahkan melalui karangan. Sesudah itu, barulah aspek-aspek seperti organisasi karangan, penggunaan bahasa dan mekanik penulisan digabungkan untuk mencernakan idea yang dimiliki supaya menjadi menarik, mudah difahami, dan sebagainya (Abdullah Yussof, 1996). Oleh itu, penulisan merupakan kemahiran melahirkan idea dalam bentuk tulisan secara tersusun dan logik (Koh Boh Boon, 1980). Kemahiran ini bukanlah satu anugerah atau bersifat semula jadi tetapi mestilah dipelajari dengan tekun dan sistematik.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, program pemulihan bagi murid-murid yang mengalami masalah dalam pembelajaran telah bermula pada tahun 1967 lagi. Kementerian Pelajaran Malaysia telah memulakan kelas printis untuk murid-murid bermasalah pembelajaran ke arah pelaksanaan Pendidikan untuk Semua ke seluruh negara (Mohd Sharani Ahmad, 2004). Kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran berupaya untuk menerima pendidikan yang sesuai dengan kemampuan dan perkembangan mereka secara menyeluruh. Hanya berbeza dengan kanak-kanak biasa dari segi mereka kurang bertindak balas kepada strategi pengajaran dan pembelajaran biasa. Oleh itu, satu program khas perlu disediakan untuk memenuhi keperluan murid-murid ini dengan mengambil kira aspek-aspek seperti masa, bahan, budaya, kelas, teknik mengajar, bantuan kepakaran dan penglibatan masyarakat.

Pelajar lambat termasuk dalam golongan berkeperluan khas. Pelajar lambat mempunyai ciri-ciri perkembangan yang tidak sempurna dalam perkembangan kemahiran akademik, bahasa dan pertuturan. Mereka mempunyai kelemahan dalam menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (Rathus, 2004). Oleh itu mereka telah ditempatkan dalam program pemulihan bermasalah pembelajaran di sekolah yang dikenali sebagai kelas pemulihan. Walau bagaimanapun mereka ini berpeluang belajar di sekolah biasa sebagaimana yang dirasai, dialami, dan dinikmati oleh rakan sebaya yang normal. Kajian kes ini bertujuan untuk meninjau pemaparan idea dan penguasaan bahasa dalam

penulisan pelajar lembam.

### **1.1.1 Perkembangan Pendidikan Kelas Pemulihan Di Sekolah-sekolah Menengah Negeri Sembilan.**

Bermula pada bulan Mac hingga bulan Mei 2008 Program Pemulihan Terancang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah seluruh Negeri Sembilan sesuai dengan kehendak kursus yang telah dijalankan di Hotel de Palma Inn pada 28 hingga 30 Oktober 2007. Program pemulihan ini diadakan untuk pelajar kelas peralihan, tingkatan satu tingkatan dua dan tingkatan tiga. Program ini sebagai nilai tambah kepada program pemulihan yang sedia ada yang dijalankan di sekolah. Kelas pemulihan ini diwujudkan untuk membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran agar mendapat perhatian, layanan dan bantuan maksimum di sekolah. Kerjasama dan penyelarasan antara Guru Pemulihan Khas dengan guru biasa dalam merancang dan melaksanakan program pemulihan. Mata Pelajaran lain yang turut terlibat dalam program ini ialah Matematik, Sejarah, Sains dan Geografi. Program pemulihan ini hanya melibatkan 83 buah sekolah di seluruh Negeri Sembilan dikecualikan sekolah Teknik, sekolah Agama, sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), sekolah Sains dan sekolah Premier.

Guru-guru telah dibekalkan dengan modul Program bimbingan kemahiran Membaca dan Menulis (PROBIM) (Bahasa Melayu) untuk menjalankan kelas

tersebut. Modul bahasa Melayu telah dibina sendiri oleh guru pemulihan bahasa Melayu berdasarkan tahap kebolehan murid. Modul ini ialah untuk kemahiran Membaca dan Menulis. Program bimbingan kemahiran Membaca dan Menulis (PROBIM) sekolah menengah ini dibina bagi tujuan membantu murid sekolah menengah yang belum dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan baik. Modul ini merupakan bahan pengajaran pembelajaran asas bagi program pemulihan 3M. Bahan pengajaran lain yang sedia ada di sekolah boleh digunakan bersama-sama dengan modul ini. Terdapat 18 unit pembelajaran dalam modul ini yang mewakili pecahan kemahiran membaca dan menulis.

Setiap unit pembelajaran diolah berdasarkan struktur kandungan berikut:

- 1) Senarai aktiviti dalam satu unit pembelajaran  
Setiap unit pembelajaran mengandungi beberapa aktiviti yang memandu murid untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis. Untuk menjalankan aktiviti ini, langkah pengajaran diberikan. Guru digalakkan mempelbagaikan teknik pengajaran.
- 2) Objektif  
Bagi setiap unit, dinyatakan objektif yang perlu dicapai sasaran pengajaran dan pembelajaran untuk menentukan sama ada aktiviti yang dilaksanakan dapat mencapai objektif tersebut.
- 3) Penilaian formatif  
Penilaian formatif disediakan pada akhir aktiviti dalam unit pembelajaran. Murid perlu menguasai kemahiran membaca dan menulis bagi sesuatu unit pembelajaran tersebut sebelum beralih ke unit pembelajaran seterusnya.

Jabatan pelajaran Negeri Sembilan telah menetapkan manual penyediaan pelajar untuk Program Pendidikan Pemulihan Khas. Bagi mendapatkan calon-calon yang memerlukan pengajaran pemulihan, guru pemulihan meminta kerjasama guru biasa agar mencalonkan pelajar-pelajar daripada kelas mereka yang difikirkan menghadapi masalah pembelajaran. Dasar pencalonan yang



telah ditetapkan diserahkan kepada budi bicara guru biasa berdasarkan beberapa panduan.

Beberapa kriteria telah ditentukan untuk mengenal pasti pelajar berkenaan:

- i. Pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)
- ii. Keputusan ujian kelas
- iii. Kerja-kerja harian kelas
- iv. Ciri-ciri tingkah laku pelajar
  - menumpukan perhatian
  - ikut arahan
  - gagap
  - selalu mengacau kententeraman kelas
  - selalu tidak hadir
  - berkawan
  - mudah tersinggung

Langkah satu, pencalonan pelajar dilakukan selepas penilaian pertama persekolahan, setelah melihat ciri-ciri tingkah laku murid itu dikaitkan dengan masalah pembelajaran. Langkah kedua iaitu pengumpulan maklumat pelajar. Dalam usaha mendapatkan maklumat pemulihan ini, guru pemulihan perlu menyediakan borang peribadi pelajar dan meminta kerjasama guru biasa untuk mengisikannya. Ini disebabkan guru-guru biasa memiliki rekod pelajar dan lebih kerap bersama pelajar.

Langkah ketiga, melalui ujian saringan iaitu semasa bahagian saringan guru pemulihan khas hanya memberi ujian dalam bentuk lisan. Langkah keempat, iaitu ujian diagnostik iaitu selepas pelajar ini diberi ujian saringan, guru pemulihan khas menyediakan bahan ujian diagnostik. Ujian diagnostik perlu dilaksanakan selama 1 jam sebelum bulan Mac bagi subjek Bahasa Melayu.

Ujian ini bagi menentukan sama ada pelajar berkenaan mempunyai masalah kesihatan atau disebabkan masalah yang lain dan keputusan ujian diagnostik hendaklah dimaklumkan kepada ibu bapa para pelajar. Langkah kelima pula ialah membuat perancangan dan pengajaran. Perancangan dilakukan berasaskan andaian kelemahan pelajar secara keseluruhan sahaja. Pengajaran pemulihan pula dijalankan dengan menggunakan teknik seperti berikut:

- i. Pengajaran kumpulan kecil:  
Guru membentuk kumpulan kecil yang terdiri daripada dua atau tiga orang pelajar yang menghadapi masalah yang sama. Guru menjalankan pengajaran dengan menggunakan bahan-bahan yang disediakan.
- ii. Pengajaran individu:  
Guru menumpukan perhatian kepada pelajar tertentu dan membimbingnya untuk mengatasi masalah yang dihadapi dengan menggunakan bahan-bahan yang disediakan.

Latihan kemahiran yang dirancang ini adalah berdasarkan kepada kelemahan yang ditemui dan dengan menggunakan Modul PROBIM yang dibekalkan.

Langkah keenam ialah penilaian pelajar. Guru pemulihan tidak dapat menjalankan penilaian yang sistematik secara bertulis atau lisan. Beliau hanya membuat penilaian berdasarkan bahan-bahan bacaan dan kerja kelas yang disediakan. Jikalau pelajar membuat semua latihan yang diberikan, dapat membaca, dan memahami bacaan seperti cerita pendek serta dapat menceritakan semula bahan yang dibaca, maka pelajar itu dikelaskan sebagai sudah pulih dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan layak dipulangkan ke kelas asal mereka. Semua rekod pencapaian pelajar dikemas kini di dalam sebuah fail peribadi pelajar. Tetapi jika pelajar itu masih tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis pelajar itu dianggap pelajar bermasalah

pembelajaran dalam kategori lambat dan perlu pemulihan berterusan. Guru pemulihan dan pihak sekolah akan memaklumkan perkara ini kepada ibu bapa.

Langkah ketujuh, iaitu kerja susulan pelajar yang sudah dipulangkan ke kelas biasa. Kerja susulan oleh pelajar pemulihan yang sudah dipulangkan ke kelas biasa tidak dapat dijalankan oleh guru pemulihan secara formal. Kerja susulan yang dapat dilakukan oleh guru pemulihan hanya secara tidak formal melalui pertanyaan mudah kepada guru biasa kelas pelajar pemulihan itu ditempatkan.

## **1.2 Pernyataan Masalah.**

Dalam menghadapi dunia yang semakin mementingkan ilmu dan taraf pendidikan yang tinggi, setiap manusia memerlukan pendidikan yang sempurna untuk menguasai pelbagai ilmu. Penguasaan ilmu adalah bermula daripada penggunaan bahasa. Bahasa merupakan alat pengantara dalam semua bidang, termasuklah bidang pendidikan, ekonomi, kemasyarakatan dan sosial.

Kajian tentang penguasaan bahasa pelajar lambat khususnya amat kurang dilakukan. Penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar lambat amat

membimbangkan bagi guru dan ibu bapa malah mereka juga menghadapi kesukaran menyampaikan idea dalam penulisan kerana bahasa yang dihasilkan mempunyai pertalian yang erat dengan idea yang hendak disampaikan. Bagi pelajar lembam, untuk mereka memperolehi bahasa amat sukar oleh itu mereka memerlukan pendidikan formal iaitu dengan mengikuti program pemulihan khas.

Dalam peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM), keputusan mata pelajaran bahasa Melayu menjadi penentu sama ada seseorang calon itu berhak menerima sijil atau sebaliknya. Seseorang calon yang gagal dalam mata pelajaran bahasa Melayu tidak berhak mendapat sijil SPM.

Secara umumnya pelajar lembam tingkatan dua ini telah melalui dua peringkat persekolahan iaitu mereka telah melalui peringkat sekolah rendah selama enam tahun dan melalui peringkat sekolah menengah dua tahun. Jika dilihat dari jangka masa yang telah mereka lalui sepatutnya mereka sudah dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik dan dapat menyampaikan idea dalam karangan dengan baik dengan menggunakan ayat gramatis dengan sempurna kerana tujuan utama pengajaran bahasa Melayu adalah untuk membolehkan pelajar menggunakan bahasa Melayu dengan baik sama ada secara tulisan mahu pun lisan.

Namun begitu, bagi pelajar lembam yang menghadapi masalah pembelajaran mereka tidak dapat menguasai bahasa dengan sempurna. Pelajar lembam

mempunyai permasalahan pembelajaran (*Learning Disabilities*). Pelajar lembam dikenal pasti sebagai '*slow learner*' yang sukar dikenal pasti pada peringkat awal dan memerlukan program pemulihan kerana kesukaran menerima input adalah tidak khas atau spesifik. Mereka terlalu lambat untuk mencapai satu-satu objektif pengajaran yang mudah (Jabatan Pendidikan Khas, 2003). Mereka ini mengalami masalah menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (Koh Boh Boon, 1981). Ini sekaligus menyebabkan pelajar ini mengalami kelemahan dalam mengarang. Sehubungan itu, kajian ini diharap dapat membantu mempertingkatkan lagi penguasaan bahasa dan pemaparan idea dalam kalangan pelajar lembam.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Untuk mengenal pasti tahap penguasaan bahasa dalam penulisan pelajar lembam.
- 2) Untuk menganalisis kemahiran pemaparan idea dalam penulisan pelajar lembam.
- 3) Untuk mengenal pasti ciri-ciri umum yang terdapat dalam kemahiran

menulis pelajar lembam.

Secara lebih jelas kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauhmanakah tahap pemaparan idea dan penguasaan bahasa dalam penulisan pelajar lembam.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berikut adalah persoalan kajian yang dibina bagi menjawab objektif yang disediakan.

- 1) Sejauhmanakah tahap penguasaan bahasa yang mereka perolehi dalam penulisan?
- 2) Sejauhmanakah kemahiran pemaparan idea mereka dalam penulisan?
- 3) Adakah terdapat ciri-ciri umum kemahiran yang sama dalam penulisan pelajar lembam?

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini adalah penting untuk meninjau kebolehan pelajar lembam dalam mengemukakan idea dalam karangan dan juga penguasaan bahasa yang mereka dapat. Kajian ini juga penting kepada guru untuk mendapat sumber maklumat tambahan bagi merancang kadeah pengajaran yang khusus untuk

meningkatkan aspek penulisan dan bahasa dalam kalangan pelajar lembam. Ini kerana kajian bahasa dalam kalangan pelajar lembam masih kurang dikupas dan diperkatakan oleh sarjana.

Secara tidak langsung dapatan kajian ini mendedahkan sejauh mana penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar lembam. Keputusan kajian ini juga dapat memberi maklumat yang bernilai kepada masyarakat dan sekaligus dapat menggunakan maklumat ini untuk membantu pelajar lembam dan mengambil tindakan selanjutnya. Selain itu, kajian ini berguna kepada mereka yang terlibat dalam pendidikan bahasa Melayu terutama guru pemulihan dan pendidikan khas kerana mata pelajaran bahasa Melayu penting bagi mendapat sijil dalam peperiksaan awam dan kelayakan untuk memperoleh pekerjaan dalam sektor kerajaan.

Kajian kes ini penting kepada seseorang guru yang mengajar bahasa Melayu di kelas pemulihan kerana hasil daripada kajian ini boleh dijadikan maklum balas mengenai keberkesanan teknik pengajaran seseorang guru kelas pemulihan. Guru juga dapat mengenal pasti bahagian-bahagian sukatan pelajaran yang tedapat di dalam modul yang belum berjaya diajarkannya secara berkesan dan sempurna. Kajian ini juga dapat membantu guru membuat keputusan sama ada meneruskan pengajaran pelajaran baru atau mengajar semula bahan-bahan yang telah diajarnya dengan melakukan pengubahsuaian teknik dan pendekatan pengajarannya.

Hasil kajian juga dapat menjadi sumber rujukan kepada perancang pendidikan khas dan juga pemulihan. Ia dapat dan mungkin boleh dijadikan sebagai asas untuk mengadakan sebuah buku panduan atau modul pengajaran yang lebih baik lagi untuk rujukan guru-guru bahasa Melayu bagi kelas pemulihan. Ini penting untuk menjamin kejayaan pelajar-pelajar serta meningkatkan kemahiran membaca dan menulis di kalangan mereka. Keseluruhannya, kajian kes ini mungkin dapat meningkat kemampuan belajar dan perkembangan dalam penulisan pelajar lembam.

## **1.6 Batasan Kajian**

Kajian ini menumpukan mengenai penguasaan bahasa dan pemaparan idea dalam penulisan pelajar lembam tingkatan dua yang sedang mengikuti kelas pemulihan diperingkat sekolah menengah bantuan kerajaan iaitu sekolah menengah yang dikenali sebagai "Sekolah Menengah Kebangsaan". Sekolah menengah jenis ini, menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar menurut Ordinan Pelajaran (1975) dan Akta Pelajaran (1961) yang masih berkuat kuasa hingga ke masa ini.

Pengumpulan maklumat dan data kajian ini hanya dijalankan di salah sebuah sekolah di Seremban, Negeri Sembilan. Sekolah ini terletak di bandar Senawang. Sekolah ini gred A, berdasarkan bilangan pelajarnya antara 1500 hingga 2000 orang pelajar.



Kajian ini melibatkan sepuluh orang pelajar lembam yang berada di dalam kelas pemulihan. Kajian ini terbatas terhadap hasil penulisan sepuluh orang pelajar lembam. Pelajar ini diminta menghasilkan enam karangan berpandu. Pengkaji akan menfokuskan pada penguasaan bahasa dan penyampaian idea enam orang pelajar lembam melalui penulisan berpandu yang dihasilkan.

## **1.7 Konsep dan definisi**

Konsep dan definis ini dapat memperjelaskan lagi kefahaman tentang kajian yang akan dilakukan.

### **1.7.1 Karangan**

Ahli- ahli bahasa membuat berbagai-bagai definisi mengenai perkataan “karangan” .Walau bagaimanapun, kebanyakan pengertian yang diberikan oleh ahli-ahli bahasa mempunyai makna yang sama. Bullock (1957) dan Ishak Harun (1979) menyatakan bahawa karangan bukan sekadar hasil kepandaian atau kemahiran mengubah atau menyusun kata-kata, frasa, dan ayat tetapi merupakan kemahiran menyampaikan idea, fakta dan sebagainya yang ada dalam pemikiran manusia melalui alat komunikasi yang dinamakan bahasa. Za’ba (1965), menyatakan bahawa karangan terhasil daripada kepandaian atau kemahiran menggubah atau menyusun kata-kata untuk dijadikan rangkai kata dan seterusnya untuk dijadikan ayat. Sesebuah karangan mengandungi ayat-

ayat yang telah digubah atau disusun untuk dijadikan cerita, laporan, penerangan dan sebagainya. Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh ahli-ahli bahasa di atas, dapatlah dirumuskan bahawa karangan merupakan satu latihan untuk melahirkan fikiran, perasaan, idea dan pendapat secara bebas tetapi terkawal.

### **1.7.2 Bahasa**

Menurut Ferdinand De Saussure menyatakan bahawa bahasa adalah sistem isyarat yang mempunyai bahagian yang terpenting iaitu gabungan erti atau makna dengan bunyi (sound images) yang bersifat psikologi. Ucapan manusia terdiri daripada gabungan *langue* (bahasa) dengan *parole* (ujaran) (Mangantar Simanjuntak, 1987:105).

Bahasa ialah data yang dianalisis dalam linguistik. Menurut definisi linguistik bahasa ialah suatu sistem simbol-simbol yang terdiri daripada bunyi-bunyi yang diucapkan dalam atau melalui mulut manusia, yang dipersetujui oleh sekelompok manusia itu berkomunikasi (Lufti Abas, 1975:4)

### **1.7.3 Penguasaan**

Merujuk Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994:716), penguasaan bermakna perihal menguasai ataupun mengetahui dengan lebih mendalam untuk menjadikan diri mahir atau berpengetahuan tentang sesuatu.

#### **1.7.4 Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia**

Menurut Asmah Hj Omar (1978), bahasa Malaysia ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi untuk Negara Malaysia. Bahasa Malaysia juga menjadi bahasa pengantar ilmu pengetahuan di sekolah-sekolah di Malaysia menurut Dasar pelajaran Kebangsaan (Nor Asmah bt Abdul Aziz, 2009).

Awang Had Salleh (1982) memetik Laporan Jawantankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia menyebut tiada definisi rasmi yang diberikan mengenai istilah bahasa Melayu, bahasa Kebangsaan atau bahasa Malaysia. Bahasa Melayu ialah bahasa ibunda orang yang berketurunan Melayu. Perkara 152 Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan bahawa Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan perlu digunakan dalam semua urusan rasmi (Nor Asmah Abdul Aziz, 2009)

### **1.7.5 Kelas Pemulihan**

Dalam kajian ini murid bermasalah pembelajaran merujuk kepada murid-murid yang mempunyai keupayaan mental dan pengubahsuaian tingkah laku yang rendah. Bagi Kementerian Pendidikan (1989) keupayaan mental yang rendah merujuk kepada kebolehan yang lemah dalam mempelajari atau membuat sesuatu gerak balas, dan ciri-ciri pencapaian asas yang lemah berdasarkan ujian kecerdasan yang “menilai” keupayaan kognitif. Pengubahsuaian tingkah laku pula merujuk tahap kurang keberkesanan seseorang individu menjalankan kehidupan secara berdikari dan memenuhi kewajipan sosial yang diharapkan oleh masyarakat bersesuaian dengan peringkat umurnya (Sharbani Abdul Ghani 1999).

### **1.7.6 Ujian Diagnostik**

Adalah satu alat pengukuran yang membolehkan guru pemulihan mengesan punca dan kelemahan seseorang murid dengan lebih terperinci. Dengan melakukan ujian diagnostik dapat membantu guru mengenal pasti secara khusus kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh murid dan juga punca kegagalan murid untuk menguasai sesuatu kemahiran. Ujian diagnostik boleh dilakukan dalam ujian berbentuk lisan dan bertulis.

### **1.7.7 Pendidikan Pemulihan**

Pendidikan pemulihan merupakan satu cara yang khusus untuk membantu pelajar yang bermasalah dalam proses pembelajarannya. Pendidikan pemulihan dilakukan oleh guru yang terlatih khas dan mempunyai kemahiran dalam bidang ini yang telah menjalani latihan pendidikan dalam bidang ini puaat pengajian.

Pendidikan pemulihan ialah sebagai laluan pendidikan untuk kanak-kanak berkeperluan khas. Pendidikan pemulihan adalah satu bentuk pendidikan yang sedia ada dan dirancang khas kepada kanak-kanak atau pelajar-pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran (learning disabilities) untuk mata pelajaran tertentu sahaja seperti bahasa, bacaan dan mengira. Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru dalam bilik darjah adalah berbeza dengan kelas-kelas biasa.

Menurut Cuthbert, J (1974), *National Association For Remedial Education Great Britain* memberi denifisi pendidikan pemulihan sebagai suatu tindakan khas di sekolah biasa, di pusat khusus yang dihadiri oleh murid secara sambilan, dalam kumpulan yang diasingkan dari kelas biasa dan dalam darjah untuk pengajaran khusus oleh guru pemulihan (dalam Sharbani Abdul Ghani, 1999).

### **1.7.8 Analisis Kesilapan**

Corder (1981) mendefiniskan kesilapan sebagai bentuk-bentuk pertuturan yang

menyimpang atau menyalahi bentuk-bentuk pertuturan penutur jati, kesilapan itu meliputi semua aspek bahasa seperti tatabahasa, ejaan, sebutaan, penggunaan kata istilah dan sebagainya. Corder juga menegaskan bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar merupakan unsur penting dalam sistem pengumpulan maklum balas daripada proses pembelajaran dan pengajaran. Maklum balas daripada analisis itu dapat dijadikan dasar oleh guru untuk merangka strategi daripada segi pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran.

## **1.8 Rumusan**

Pemaparan idea dan penguasaan bahasa dalam pelajar lembam sangat menarik untuk dikaji ataupun ditinjau secara terperinci daripada pelbagai aspek. Ini merupakan satu fenomena yang sebenar berlaku pada seseorang pelajar lembam dalam proses pembelajaran bahasa yang mungkin tidak diketahui oleh semua lapisan masyarakat. Oleh itu, kajian ini dapat membantu memperkembangkan lagi salah satu daripada cabang ilmu linguistik.